

Pesilat kita diingatkan lebih waspada

Oleh KHAIRUL ANUAR MOKHTAR

PESILAT-PESILAT Malaysia diingatkan supaya jangan memandang mudah keupayaan lawan terutama pesilat Eropah dalam Kejauaraan Silat Sedunia di Stadium Negara pada 2-9 Disember ini.

"Mereka mungkin pendatang baru tetapi keupayaan mereka setanding dengan pesilat-pesilat dari negara-negara Asia," kata jurulatih kebangsaan, Mohd Sani Morni. *PENAK 1/11/87*

Keupayaan pesilat Eropah terbukti apabila Ron Hoekstra (Belanda) keluar sebagai Juara dunia kelas bebas dan Marcel Copini, naib Juara kelas 75-80 kg dalam kejauaraan di Vienna lalu.

"Mereka mempunyai keupayaan teknik yang sama dengan pesilat tempatan. Untuk itu pesilat negara perlu berhati-hati dan jangan mengambil mudah setiap perlawanan," jelas Mohd Sani.

Lapan belas pasukan luar negeri mengambil bahagian dalam kejauaraan ini. Negara-negara itu ialah Belanda, Austria, Australia, Belanda, Belgium, Britain, Sepanyol, Turki, Surinam, Jerman Barat, Perancis, Brunei, Indonesia, Singapura, Filipina, Tanzania, Amerika Syarikat dan Yugoslavia.

Bagi Mohd Sani, ini adalah kali pertama dia diberi tanggungjawab melatih pasukan kebangsaan untuk menghadapi Kejauaraan Silat Sedunia.

Sebelum ini dia sekadar melatih pasukan silat gayung dalam kejohanan kebangsaan walaupun beberapa kali menjadi pengadil dalam kejohanan antarabangsa.

Walaupun mempunyai keupayaan tinggi dalam seni silat gayung, Mohd Sani tidak menghadapi sebarang masalah mengatur latihan rapi bagi pesilat kebangsaan yang mempunyai kemahiran dalam beberapa jenis silat lain.

"Dalam latihan peringkat kebangsaan semua pesilat perlu memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan keupayaan secara keseluruhan demi

kejayaan pasukan negara.

"Bagaimanapun, ini tidak bermakna mereka mesti melupakan ciri-ciri silat berlainan jenis yang mereka pelajari sebelumnya," kata Mohd Sani.

B. Hanan (M)

Malaysia menurunkan 30 pesilat untuk mengatasi cabaran negara dalam kejauaraan kali ini.

Pesilat-pesilat yang menjadi harapan kejayaan negara ialah mereka yang berjaya memenangi pingat ketika mewakili negara dalam Sukan SEA di Jakarta, September lalu.

Antara mereka ialah Mohd Raffi Yaakob, Ahmad Wardi, Ahmad Khuzairi, Zakri Ibrahim, Fauzi Othman, Wan Aminuddin, Khatijah Salleh dan Zaleha Suradi.

27 NOV 1987

"Setakat ini, pesilat-pesilat kebangsaan berada di tahap kecerdasan yang tinggi dan mereka kini menjalani latihan mengekalkan keupayaan hingga menjelang kejauaraan sebenar," jelas Mohd Sani.

■ Enam lagi pesilat Belanda akan tiba Selasa ini menyertai Kejauaraan Silat Sedunia keempat di Stadium Negara.

Ini disahkan oleh pengurus Belanda, Alex Copini yang tiba malam kelmarin. Mereka adalah kelompok pesilat pertama yang tiba menyertai kejohanan ini.

Sebelum ini mereka tidak dapat mengesahkan tarikh kedatangan itu. Menurut Copini sebahagian daripada persilat mereka mendapat penjelasan yang cukup ke atas sebarang kemungkinan mengenai peraturan kejauaran.

Kelompok pertama persilat Belanda datang lebih awal untuk menghadiri seminar pengadil dan juri untuk memastikan mereka mendapat penjelasan yang cukup ke atas sebarang kemungkinan mengenai peraturan kejauaran.

Salah seorang daripada mereka ialah Ron Hoekstra, Juara dunia kelas bebas. Seorang lagi Marcel Copini, naib Juara kelas 75-80 kg.



■ KAMI JUGA BERKEUPAYAAN...pasukan Turki tiba bersama enam pesilat mereka yang telah menjalani latihan enam bulan untuk menghadapi Kejauaraan Silat Sedunia.